

# Persoalan Islam dalam Karya Mana Sikana: Analisis *Syajar* dan *Apa-apa*

Che Abdullah Che Ya  
Hanapi Dollah

## ABSTRAK

Makalah ini membicarakan pandangan Mana Sikana tentang manusia dalam hubungannya dengan Allah lewat karya novelnya *Syajar* dan skrip drama *Apa-apa*. Kisah dalam *Syajar* dan *Apa-apa* adalah tentang pegangan iman, kekayaan, kepatuhan, moral dan kematian. Kedua-dua karya itu kelihatan menyimpulkan bahawa manusia sentiasa menyeleweng daripada pegangan imannya dengan mengikut ajakan nafsu dan bisikan syaitan. Beliau menekankan kehidupan bukan sahaja di dunia ini tetapi juga selepas mati yang bernatijahkan balasan dari Tuhan. Manusia harus bertanggungjawab atas perbuatannya dan perbuatan yang baik ialah percaya kepada Allah dan Hari Pembalasan.

Kata kunci: iman, moral, kematian, bisikan syaitan, Hari Pembalasan.

## ABSTRACT

This article explores Mana Sikana's view on men and their relationship to God through his novel *Syajar* and his drama *Apa-apa*. Both are about faith, wealth, obedient, morality and death. They are seem to conclude that men always tend deviate from their faith by following their instinct and the whisper of Satan. The write emphasizes that life is not just in this world but also after death where man will face retribution from God. Men have to be responsible for their own deed, and the righteous deeds are of their believe in God and the Last Day.

Keywords: faith, moral, death, whisper of Satan, the Last Day.

## Pendahuluan

Abdul Rahman Napiah yang lebih dikenali dengan nama Mana Sikana bukan satu nama yang asing dalam arena kesusasteraan negara. Beliau merupakan seorang penulis yang cukup konsisten dan serba boleh. Sehingga kini beliau menghasilkan puluhan buku baik yang berbentuk akademik mahupun genre kreatif seperti *Kritikan Sastera: Teori dan Kaedah* (1986), *Perkembangan dan Perubahan Drama Melayu Moden* (1989), *Sastera Melayu Moden: Perubahan dan Tamadun* (1991) dan

lain-lain. Beliau turut mengemukakan beberapa gagasan teori sastera, iaitu teori pendekatan Islam, teori takbudiah, teori dinamika teks dan teori teksdealisme di samping cukup aktif membicarakan teori-teori terbaru daripada Barat. Beliau terkenal sebagai tokoh akademik yang menghasilkan esei dan kritikan sastera, cerpen, novel dan skrip drama.

Tokoh akademik dan sasterawan Perak ini dilahirkan pada 9 Oktober 1946 di Bagan Serai dan dibesarkan di Kampung Senawar, Kuala Kangsar. Mendapat didikan awal di Sekolah Umum Bukit Chandan, Kuala Kangsar sebelum melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Sekolah Menengah Izzuddin Syah, Ipoh (1959-1967). Beliau kemudiannya mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur sebelum menjadi guru di beberapa buah sekolah di Johor. Pada tahun 1974, beliau melanjutkan pelajaran di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Tamatnya Ijazah Sarjana Muda (dengan kepujian kelas pertama), beliau bertugas sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia dan sekarang menjadi pensyarah kontrak di Universiti Nanyang Singapura.

Dalam bidang penulisan kreatif, nama Mana Sikana yang mula dipakai sejak tahun 1963 lebih dikenali berbanding nama sebenar beliau, iaitu Abdul Rahman Napiah. Minat terhadap bidang penulisan itu bermula pada peringkat sekolah lagi. Sebagai pengarang kreatif seperti juga pengarang-pengarang lain, beliau juga mempunyai mesej tertentu yang mahu disampaikan lewat karya-karya yang beliau hasilkan. Kertas kerja ini akan merungkaikan persoalan Islam yang digarapkan oleh Mana Sikana melalui dua buah karya beliau, iaitu novel *Syajar* dan kumpulan skrip drama *Apa-apa*. Pemilihan persoalan Islam ini bukan sahaja didasarkan kepada tema dan isi kandungan karya tersebut tetapi sejajar dengan latar belakang pendidikan awal pengarangnya.

## Persoalan Utama dalam *Syajar* dan *Apa-apa*

*Syajar* dan *Apa-apa* adalah dua buah karya kreatif beliau yang cukup bernilai kepada dunia kesusasteraan negara. Kedua-dua karya ini membawa pemikiran Islam yang cukup besar. Novel *Syajar* terbitan Fajar Bakti pada tahun 1995 antara lain memaparkan kemelut kehidupan masyarakat moden yang penuh dengan penyelewengan, maksiat dan penipuan dalam keghairahan manusia mengejar kekayaan dan kekuasaan. Novel ini memaparkan kehidupan Murad dan keluarganya. Murad merupakan seorang usahawan Melayu yang kaya dan berjaya dalam

dunia korporat (setelah bermula daripada bawah). Beliau kemudiannya hanyut dalam kemewahan yang diperolehnya. Murad hidup bergelumang maksiat dan perzinaan meskipun beliau sebenarnya mendapat pendidikan agama yang baik. Keinsafan mula menjengah hati Murad apabila teringat tentang kematian. Beliau sering dihantui dengan bayang-bayang hitam akan kematiannya. Bayang-bayang ini menjadikan kehidupan Murad penuh dengan kekalutan, kerisauan dan kebimbangan. Kemewahan yang dimilikinya selama ini tidak lagi bererti apabila perjalanan hidup yang dilaluinya tidak lagi tenteram.

*Apa-apa* merupakan kumpulan skrip drama Mana Sikana yang diterbitkan pada tahun 1981 oleh Penerbit Heinemann Educational Books (Asia). Kumpulan skrip drama ini mengandungi tiga buah skrip drama iaitu “Apa-apa”, “Bunuh” dan “Mustaqima”. Untuk penulisan ini, hanya skrip drama “Mustaqima” dibincangkan kerana skrip drama ini yang jelas mengandungi pemikiran Islam. “Mustaqima” memaparkan gelagat manusia di ambang kiamat yang akan berlaku. Watak utamanya ialah Zurastura, iblis yang berusaha sepenuh daya bagi menyesatkan umat manusia di saat kiamat akan berlaku; Sasilus yang setia pada dewa dan Pak Wah yang taat beragama akhirnya terperdaya. Hanya Isteri II yang mewakili umat yang terselamat daripada godaan tersebut.

Kedua-dua karya ini sarat dengan mesej keislaman sebagaimana karya-karya lain Mana Sikana seperti “Dajal”, *Ronjang*, *Kesesatan*, *Klimaks* dan lain-lain. Samoza (1996: 73-80) semasa membicarakan novel *Syajar* menjelaskan, “Novel *Syajar* merupakan lambang iltizam Islam yang terbaik dan akan membesarkan lagi kuantiti cereka Islam di negara ini...”. Antara persoalan yang dikemukakan oleh pengarang termasuklah hubungan manusia dengan Tuhan, keinsafan, pelaksanaan syariat Islam, gambaran syurga, neraka dan hari kiamat.

Kedua-dua karya ini memperlihatkan pemikiran pengarang tentang hubungan manusia dengan Tuhan. Manusia yang merupakan makhluk paling istimewa ciptaan Allah kerana diberi akal fikiran, dituntut mentaati Allah dengan cara melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan perkara yang dilarang. Manusia dianggap sebagai khalifah Allah di atas muka bumi ini. Hal inilah yang dipaparkan oleh Mana Sikana dalam kedua-dua karya ini. Melalui *Syajar*, pengarang memperlihatkan aspek kemungkar dan keingkaran manusia yang mudah melupakan Tuhan apabila dilimpah dengan kemewahan dan kekayaan. Novel ini memaparkan watak Murad sebagai insan yang mungkar meskipun berpendidikan agama. Murad melupakan tanggungjawabnya kepada Tuhan sejak terlibat dengan perniagaan. Kemewahan yang diperolehnya telah melupakan Murad tentang hubungan dengan Tuhan (Mana 1995: 34):

“Tapi ayah langsung melupakan akhirat!”

“Apa kau mahu ayah jadi seperti kamu? Siapa yang harus meneruskan perniagaan? Kerja terlalu banyak untuk diuruskan!”

“Sehingga ayah melupakan Tuhan! Ayah tidak pernah sembahyang! Ayah selalu saja balik malam, mabuk-mabuk...!”

“...Okey, apa yang kau mahu dari ayah?”

“Harus sembahyang, berpuasa, dan ya, harta Ayah yang begitu banyak barangkali tidak pernah dibayar zakatnya! Kemudian naik haji!”

Bagi mengimbangi watak Murad yang melupakan hubungan manusia dengan Tuhan, pengarang menampilkan watak Salleh anak Murad yang patuh kepada suruhan Allah. Salleh dicitrakan sebagai hamba Allah yang taat pada perintah Allah. Salleh tidak pernah mengabaikan amalan ibadat yang merupakan kewajipan untuk ditunaikan oleh setiap hamba Allah. Walaupun dibesarkan dalam kemewahan, Salleh tidak lupa hubungannya sebagai hamba dengan Tuhannya. Tambahan pula Salleh dihantar oleh Murad ke sekolah agama (manifestasi diri Murad yang turut dihantar oleh bapanya bersekolah agama agar menjadi manusia yang berguna). Salleh berusaha menyedarkan bapanya yang telah hanyut. Ketaatan dan kepatuhan Salleh terhadap suruhan Tuhan serta kesabaran Salleh akhirnya membuka mata Murad untuk kembali menjadi insan yang beriman menyedari tentang hubungan manusia dengan Tuhan yang menciptanya. Setinggi mana manusia akhirnya akan kembali ke tanah jua kerana daripada tanahlah manusia dicipta.

Watak Salleh mendapat sokongan sepenuhnya daripada ibunya Zaiton. Watak Zaiton ditonjolkan oleh pengarang sebagai seorang isteri yang taat kepada suami. Zaiton sentiasa mengambil berat tentang diri suaminya termasuk soal-soal ibadat yang semakin ditinggalkan oleh Murad. Zaiton dicitrakan sebagai seorang isteri yang solehah dan ibu yang bertanggungjawab terhadap anak-anaknya. Beliau tampil sebagai wanita yang tabah dan sabar khususnya dalam menanggapi sikap suaminya yang semakin tenggelam dalam kemewahan harta dunia.

“Mustaqima” pula memperlihatkan betapa rapuhnya imam manusia dalam menghadapi cabaran dan godaan iblis. Sisipus yang awalnya cukup taat kepada dewanya dengan mengangkat batu dengan berulang-ulang tanpa jemu dan putus asa akhirnya tergoda apabila iblis menyamar menjadi puteri. Hal ini ditegaskan oleh puteri semasa menggoda Isteri I (Mana 1981: 128):

Tidak ada lelaki yang tidak suka melihat perempuan seperti aku ini. Nah, jika kau mahu tahu, temanku itu juga seperti suaminya. Ketaatannya sangat luar biasa. Tetapi kita perempuan, ada kelebihan yang sangat-sangat menakjubkan.

Pak Wah dan Isteri I yang berimam turut berjaya digoda oleh iblis. Pengarang menjelaskan bahawa iblis akan berusaha untuk menyesatkan manusia. Hanya mereka yang kuat imannya sahaja akan terselamat daripada ancaman akhirat. Dalam drama ini hanya Isteri II yang terselamat daripada godaan iblis kerana keyakinannya terhadap ajaran Islam serta kepatuhannya kepada suruhan Allah dan larangan-Nya.

Melalui *Syajar*, pengarang mengungkapkan pemikiran tentang ketaatan isteri kepada suami. Kesetiaan seorang isteri terhadap suami selari dengan ajaran Islam kerana Islam menuntut agar isteri sentiasa mentaati suami seperti firman Allah dalam surah *An-Nisa'* ayat 34, "maka para wanita yang baik itulah yang berlaku taat dan memelihara diri ketika suaminya tiada di rumah sebagaimana Allah memeliharanya". Pengarang menonjolkan watak Zaiton sebagai seorang isteri yang taat kepada suami. Zaiton sentiasa mengambil berat bukan sahaja tentang kesihatan suaminya tetapi juga tentang soal-soal ibadah suaminya walaupun suaminya semakin jauh dengan amal ibadah itu.

Walaupun isteri dituntut taat kepada suami, ketaatan itu tidak seharusnya dipertahankan sekiranya tuntutan suami lari daripada syariat Islam. Hal inilah yang dilontarkan melalui watak isteri II dalam "Mustaqima". Isteri II taat kepada suami sehinggalah suami beliau tidak lagi patut kepada ajaran Islam. Permintaan suaminya agar beliau menukarkan pakaian seperti Isteri I tidak dipatuhi oleh isteri II. Isteri II juga sanggup dihukum oleh suaminya kerana tidak menuruti kemahuan suaminya itu (Mana 1981: 134):

PAK WAH: Ya, itu benar ... dari hari ini kau juga mesti berpakaian cantik seperti Isteri I ini.

ISTERI II : Saya tak mahu, saya tak mahu... saya takut kutukan.

PAK WAH: Heeey, kau mesti dengar cakap aku. Aku adalah suaminya. Isteri mesti taat pada suami.

ISTERI II : Tapi saya tak sanggup untuk mentaati perintah seperti itu. Saya tak mahu, bang!

Kedua-dua karya ini turut memaparkan keruntuhan akhlak dan moral yang berlaku dalam masyarakat moden hari ini. Masalah moral dikemukakan oleh pengarang sebagai satu rakaman sosial bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat. Persoalan zina, minum arak dan berjudi ditonjolkan dalam novel *Syajar*. Watak Murad digambarkan

sebagai insan yang hanyut dalam maksiat khususnya minum arak dan zina (Mana 1995: 63):

Entah mengapa waktu-waktu terakhir ini, dosa-dosa itu mula menyelip dalam benaknya. Apakah dengan mengingat-ingat semua, ketenteraman akan pulih? Sesuatu yang tidak dapat ditolakkan kini, meskipun fikirannya mula diserang oleh dosa, namun dia tetap juga melakukannya. Siang tadi contohnya, dia masih menemui Aini, dan juga melakukan kerja-kerja rutin di luar perumah tangga itu dilakukan juga...

Murad bukan sahaja melakukan zina, malah dia juga turut melanggar larangan Tuhan dengan menjadi seorang peminum arak. Sejak terlibat secara aktif dalam peniagaan dan dikurniai pula kejayaan dalam perniagaannya, Murad telah lupa diri dan mula terjebak dengan minum arak. Arak telah menjadi sebati dengan diri Murad dan bagi mengatasi bayang-bayang kematian yang menggugat ketenangan hidupnya Murad semakin banyak meminum arak (Mana 1995: 58-59):

...orang berkata, untuk melupakan sesuatu harus minum banyak-banyak. Kepala akan berpusing, ingatan akan hilang. Itulah masanya saat kebahagiaan. Walaupun Murad tidak pernah percaya dengan kata-kata orang tetapi dia minum juga. Meneguk entah ke berapa juta kali banyaknya. Namun, fikiran-fikiran itu tetap menghantuinya...

Melengkapkan runtuhnya moral dan akhlak Murad ialah beliau turut terlibat dengan amalan judi. Zina, arak dan judi merupakan tiga dosa besar dalam Islam. Situasi yang sama turut digambarkan dalam "Mustaqima", Pak Wah dan Isteri I yang tersesat dalam godaan iblis turut minum arak dan melakukan zina. Secara simbolik pengarang melukiskan kepincangan moral tersebut (Mana 1981: 137 –138):

- SISIPUS: Kalau inginkan kemajuan kita harus minum!  
*Semua menurut Sisipus meminum sesuatu.*
- SISIPUS: Kalau kita mahu kejayaan kita harus makan, ya makan hotdog!  
*Semuanya makan dengan bernafsu.*
- SISIPUS: Jika cintakan kemajuan kita mesti ke bulan.  
*Semuanya seperti meluru ke bulan.*
- SISIPUS: Ya, kalau mahu kebebasan kita, mesti apa Puteri?
- PUTERI: Kita menari...  
*Mereka menari berpasangan. Sisipus bersama Puteri dan Pak Wah dengan Isteri I.*
- PAK WAH (keletihan): Hoooh, aku letih. Aku tak pandai menari
- PUTERI: Biasakan, biasakan!

ISTERI I (juga keletihan): Aku juga tak pandai menari, tapi ya, amat menyeronokkan...

SISIPUS: Nah, itu tandanya satu kemajuan. Cara untuk menghilangkan letih, dan cara untuk kebijaksanaan, juga cara untuk mendapatkan perubahan dan kejayaan, kita mestilah mendapatkan perubahan dan kejayaan, kita mestilah bertukar pasangan!

*Puteri lalu mendapatkan Pak Wah. Pak Wah gembira menyambutnya. Begitu juga Sisipus mendapatkan Isteri I, Isteri I amat gembira menerimanya. Mereka menari amat meriahnya.*

PUTERI: Kalau inginkan kemajuan kita mestilah...

PAK WAH: Menari dan menyanyi... (kemudian ia menyanyi).  
*Yang lainnya bertepuk tangan.*

PAK WAH: Kalau inginkan kemajuan kita mestilah...

ISTERI I: Kita mestilah menukar-nukar segalanya, ya menukar segala galanya.

PUTERI: Ayuh kita saling tukar-menukar. Saling merasa.  
*Mereka semuanya semakin hanyut dan gembira. Semakin mengkhayalkan. Semakin mengkhayalkan dan menggila. Semakin menggila dan menggilakan...*

Melalui karyanya ini pengarang turut melontarkan pemikiran betapa undang-undang atau syariat Islam perlu dilaksanakan bagi mencegah segala kemungkaran yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Hal-hal seperti berzina, minum arak dan berjudi yang semakin menular dalam masyarakat sekarang tidak boleh dipandang ringan dan bagi pengarang, semua ini tidak dapat ditangani tanpa pelaksanaan syariat Islam sepenuhnya.

Melalui *Syajar* pengarang menonjolkan tentang pelaksanaan syariat Islam. Pengarang cuba menghidupkan kembali pelaksanaan syariat Islam yang tidak lagi diamalkan sekarang. Misalnya hukuman rejam sampai mati dijatuhkan ke atas Murad akibat perbuatan zinya (Mana 1995: 281):

Setiap orang diperintahkan membawa batu-batu. Murad diikat pada sebuah pentas. Sebaik sahaja hukuman dimulakan, maka beribu-ribu batu dilemparkan kepadanya.

Zaiton melemparkan batu.

Salleh melemparkan batu.

Syafiq melemparkan batu.

Kitum melemparkan batu.

Tuan Kadi melemparkan batu.

Semuanya melemparkan batu.

Dan akhirnya Murad mati terkulai berlumuran darah.

Berbicara tentang kematian, bagi pengarang kematian adalah urusan Tuhan dan setiap manusia harus reda menerimanya tambahan pula setiap manusia akan berhadapan dengan kematian. Manusia harus sentiasa bersedia menghadapi kematian kerana kita tidak tahu bilakah kematian itu akan menemui kita. Bagi menghadapi saat itu, manusia haruslah membuat persediaan untuk menghadapi hari mati itu dan ia mesti dilakukan tanpa bertanggguh kerana mungkin saat kematian itu sudah terlalu hampir dengan kita.

Pengarang menjelaskan bahawa dalam Islam terdapat tiga golongan manusia apabila dikaitkan dengan kematian. Pertama, orang yang suka pada perkataan mati itu. Golongan ini sentiasa tertanya-tanya bila dia akan mati kerana kematian itu adalah nikmat baginya. Detik itu pula akan membuka pintu untuk seseorang menemui detik-detik yang ditunggu-tunggu, yang merupakan kemuncak perhambaannya. Kedua, orang yang selalu mengingatkan mati tetapi dia berdoa supaya dipanjangkan usianya. Hal ini kerana dengan usia yang panjang itu, seseorang dapat beribadat dan memperhambakan dirinya kepada Allah. Golongan ketiga pula, manusia yang bencikan kematian. Golongan ini tidak pernah memikirkan mati dan merasakan dirinya tidak akan mati. Manusia yang tergolong dalam golongan ini mahu hidup selama-lamanya untuk menikmati keseronokan duniawi.

Melalui karyanya ini pengarang menggambarkan keresahan watak utamanya mengingati saat kematiannya. Murad tidak mahu mengingati atau memikirkan tentang kematian. Bagi beliau kematian adalah sesuatu yang amat menakutkan tambahan lagi apabila mengingati kematian, Murad akan teringat tentang dosa-dosa yang pernah dilakukan. Namun kematian tetap datang dalam fikiran Murad baik melalui mimpi mahupun melalui bayangan (Mana 1995: 54):

“...aku ingin melupakan soal itu tapi setiap apa saja yang terlintas di kepalaku tidak lain daripada mati!” ujar Murad dengan tegasnya. Tangannya memegang kepala. Apakah otaknya sudah dihinggapi oleh *psikosis* atau *skizofrenia*. Atau itu hanya satu imbasan halusinasi sahaja...”

“Bagaimana kalau aku benar-benar mati? Aku rasa aku akan mati!” ujar Murad tetapi kata-kata itu hanya dalam rahangnya sahaja. Tidak sanggup lidahnya menyebutkannya.



Murad sebenarnya tidak mahu mati awal. Dia mahu hidup lebih lama bagi melaksanakan cita-citanya memperkembangkan lagi firmannya keluar negara yang masih belum tercapai. Murad masih belum berpuas hati dengan pencapaiannya. Masih banyak lagi aspek yang perlu dicapainya. Oleh sebab itu dia begitu marah dengan bayangan kematian yang sering timbul dalam fikirannya. Bagi beliau, kematian merupakan penghalang utama untuk mencapai cita-citanya itu.

Bagi menguatkan pemikiran Islam yang digarapkan, pengarang turut menggambarkan tentang peristiwa kiamat yang berlaku serta tentang alam syurga dan neraka. Dalam hal ini pengarang sengaja memasukkan pemikiran sedemikian bagi menggambarkan kesengsaraan semasa kiamat berlaku serta dahsyatnya keadaan neraka khususnya bagi mereka yang melanggar hukum Allah. Pengetahuan pengarang yang luas dalam ilmu agama membolehkan beliau mengolah dengan jelas hal-hal dalam neraka. Umpamanya watak Intan iaitu bekas kekasih Bakir yang terjerumus dalam lembah pelacuran, begitu azab menahan sengsara kepanasan api neraka serta Bakir yang meminta untuk ditukarkan dengan bekas kekasihnya itu seketika (Mana 1995: 152):

Sekali-sekala mereka tenggelam dalam lautan darah berapi yang panas mendidih, membuak dengan bunyinya yang keras lagi buruk. Kemudian tiba-tiba akan bertukar pula menjadi lautan air batu, yang dingin yang boleh mengecutkan gunung menjadi kuman yang tidak boleh dipandang mata”

Gambaran hari kiamat dilukiskan oleh pengarang dalam “Mustaqima”. Beberapa fenomena alam yang berlaku seperti cerita Al-Quran dan Hadis dilukiskan kembali oleh pengarang seperti matahari naik dari Barat ke Timur, bumi digulung dan manusia tertanya-tanya kehairanan serta berlarian menyelamatkan diri (Mana 1981: 160):

...Tiba-tiba angin ribut kembali mendatang. Suasana lebih gerun dan hebat dari kehebatan yang sebelumnya. Warna-warni kacau-bilau berganti. Tempik sorak. Kedahsyatan. Kebinasaan. Keazab sengsaraan. Pekik lolong kedengaran. Sungguh dahsyat dan menakjubkan...

Untuk meningkatkan keinsafan pembaca, pengarang turut memberikan gambaran indah syurga. Dalam syurga diceritakan penghuninya hidup penuh harmoni dan keamanan. Makanan yang lazat-lazat siap terhidang (Mana 1995: 151):

Barangkali tidak perlu digambarkan tentang keseronokan pesta ria itu. Juga tidak perlu dilukiskan keindahan pemandangan syurga dengan bidadarinya yang sungguh-sungguh jelita itu. Makanan dan minuman, yang terhidang dengan serta merta sebaik terlintas sahaja di halkum, juga tidak perlu dibayangkan.

## Rumusan

*Syajar* dan “*Mustaqima*” memperlihatkan kecenderungan Mana Sikana menghasilkan karya yang berteraskan agama Islam. Sebagai seorang yang berpendidikan Islam beliau telah menggunakan ilmu yang dimiliki bagi melahirkan protes beliau terhadap maksiat dan keruntuhan yang berlaku di sekeliling beliau.

Melalui kedua-dua karyanya ini, pengarang melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah di bumi Allah ini melalui karya sastera. Kedua-dua karya ini menimbulkan keinsafan dan kesedaran kepada pembaca tentang hari mati dan pembalasan terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan. Sebagai pengarang, Mana Sikana menerangkan apabila manusia melakukan kesalahan haruslah insaf dan kembali ke pangkal jalan. Manusia yang telah melakukan kerosakan kepada dunia haruslah mencari jalan keluar. Dalam hal ini Mana menjelaskan, jalannya hanya satu iaitu kembali kepada Islam. Hal inilah yang digambarkan melalui watak Murad. Murad yang telah jauh hanyut dalam syurga dunia ciptaannya sendiri yang kononnya melambangkan kemewahan, kemajuan dan kemodenan akhirnya kembali ke pangkal jalan, mendekati diri kepada Ilahi.

Melalui “*Mustaqima*” Mana Sikana menegaskan dan mengingatkan manusia supaya bertaubatlah sebelum pintu taubat tertutup, “... sesungguhnya apabila matahari telah terbit dari Barat ke Timur, sesungguhnyalah pintu taubat telah terkunci rapat... tidak ada makna taubat dan penyesalan lagi. Siapa yang berpahala akan menerima ganjarannya, dan siapa yang berdosa terimalah azab sengsaranya” (Mana 1981: 155). Pengarang turut mengingatkan manusia supaya sentiasa waspada dan berhati-hati dalam menjalani kehidupan harian. Sesungguhnya manusia tidak boleh lalai kerana iblis sentiasa mencari peluang dan ruang untuk menyesatkan manusia. Manusia juga tidak boleh terlalu yakin dengan keimanan yang dimiliki kerana ia belum tentu dapat menangkis godaan iblis yang cukup kuat kerana itulah janji iblis dengan Tuhan untuk merosakkan imam manusia, “...ketahuilah, sesungguhnya, aku telah mendapat kebenaran dari Tuhan semesta alam, dari Allah Azzawajalla, aku akan menyesatkan seluruh manusia selagi manusia boleh disesatkan” (Mana 1981: 160).

Pak Wah dan Isteri I dalam “*Mustaqima*” terdiri daripada mereka yang patuh kepada suruhan Tuhan dan merupakan golongan yang beriman. Pada peringkat awal, pengarang menggambarkan kedua-dua watak taat dan patuh kepada suruhan dan larangan Allah. Namun godaan iblis di saat akhir kehidupan telah merosakkan mereka.

Lebih memburukkan keadaan, Isteri I telah termakan pujuk rayu iblis dengan mengakui iblis sebagai Tuhan demi mendapatkan air untuk menghilangkan dahaga yang amat sangat di ambang kiamat.

Kedua-dua karya ini juga turut menggambarkan dilema kehidupan umat Islam dalam zaman moden ini. Kemewahan yang diperoleh itu selalunya diiringi oleh dorongan untuk hidup berfoya-foya dengan perempuan, arak dan judi. Dilema ini juga berlaku dalam konteks masyarakat. Pada satu pihak masyarakat menerima kemajuan, pembangunan dan kemodenan, pada pihak yang lain keruntuhan moral berlaku berleluasa. Bagaimanapun, dari satu segi, keruntuhan moral dan maksiat yang berlaku itu boleh menjadi iktibar kepada mereka yang beriman. Pengarang mengungkapkan persoalan zina, arak dan judi ini bagi menimbulkan kesedaran kepada masyarakat. Peleraian cerita *Syajar* yang memperlihatkan keinsafan Murad serta peleraian “Mustaqima” yang memperlihatkan penyesalan Pak Wah dan Isteri I yang terperdaya dengan Zurastura yang merupakan iblis yang datang menggoda cukup berkesan sebagai wadah pengajaran dan dakwah kepada umat manusia agar tidak lalai dalam kehidupan. Penyelesaian “yang hak menang yang batil kalah” apabila, Pak Wah dan Isteri I mati dalam kesesatan dan penuh penderitaan manakala isteri II yang patuh kepada ajaran Islam mati dengan aman. Murad juga akhirnya mendapat ketenangan setelah kembali kepada ajaran Islam.

Kesimpulannya, *Syajar* dan “Mustaqima” merupakan dua buah karya Islam yang boleh dipertanggungjawabkan menyampaikan mesej keislaman dan menyelitkan unsur dakwah dan pengajaran kepada masyarakat. Penyampaian mesej ini juga lebih berkisar kepada kedudukan dan peranan wanita. Wanita diperlihatkan sebagai penggoda dan penyelamat. Wanita juga seperti kemewahan boleh menjadi saluran iblis membawa manusia ke lembah maksiat. Meskipun begitu, wanita yang menjadi isteri yang beriman dan ibu yang solehah boleh menjadi pendinding yang kuat untuk mengekalkan keimanan seseorang. Mungkin juga kedua-dua karya ini cuba mengangkat status wanita melalui penggunaan motif-motif keagamaan.

## Rujukan

- Mana Sikana. 1981. *Apa-apa*. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia).
- Mana Sikana. 1995. *Syajar*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd. Shokkeri Hj. Ismail. 1997. Logoterapi dan pendekatan dalam kritikan sastera Melayu moden. *Dewan Sastera* Februari: 33-38.
- Samoza. 1996. *Syajar*: Lambang iltizam Islam, analisis semiotik dan hubungannya dengan intertekstualiti. *Dewan Sastera* Julai: 73-80.
- Shafie Abu Bakar. 1994. Takmilah teori sastera Islam. *Dewan Sastera* September: 55-58.
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.